

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 32 RABU 9HB. OGOS, 1972. 1392 رابو 28 جمادي الاخير PERCHUMA



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah merasmikan Pembukaan Temasha Jubilee Emas dan memperingati 10 tahun bangunan kekal Sekolah Menengah Chung Hwa di-Bandar Seri Begawan pada hari Khamis lepas.

Sa-belum merasmikan temasha tersebut, Duli Yang Teramat Mulia telah menyampaikan sabda. (Sabda Duli Yang Teramat Mulia sapenoh-nya di-siarkan di-muka 2). Gambar atas menunjokkan Duli Yang Teramat Mulia ketika berangkat menyaksikan pameran lukisan dan kerajinan tangan oleh penuntut2 sekolah tersebut.

Mengiringi Duli Yang Teramat Mulia di-sebelah kiri ia-lah Che'gu Yusof bin Gumbol dan di-belakang ia-lah Pengerusi Jawatankuasa pembukaan temasha tersebut, Pehin Kapitan China, Awang Lim Teck Hoo.

Kenaikan Gelaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah menganugerahkan kenaikan gelaran kepada tiga orang Cheteria dalam satu istiadat yang berlangsung di-Lapau di-sini pada hari Rabu lepas.

Y.A.M. Pengiran Putera Negara Pg. Hj. Damit bin Pg. Metussin menjadi Y.A.M. Pengiran Perdana Cheteria Laila Diraja Sahibon Nabalah.

Y.A.M. Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibol Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar menjadi Y.A.M. Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar.

Y.A.M. Pengiran Derma Putera Pengiran Haji Damit bin Pengiran Anak Sabtu menjadi Y.A.M. Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibol Irshad.

PUREH BRUNEI TETAP BRUNEI WALAU PUN BERADA DI-LUAR

LUMAPAS. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja, Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Md. Jamil Al-Sufri menyatakan rasa terharu-nya atas semangat ta'at setia rakyat terhadap Baginda Sultan dan negara yang terpihara sejak berkurun2 dan kini dapat dibuktikan dengan baik-nya.

Dalam pada itu, menurut beliau, ada juga yang mengelirukan dan lupa akan ke-taatan itu terutama sekali bilamana mereka mendapat kedudukan di-luar dari Brunei.

Uchapan ini di-sampaikan beliau ketika merasmikan sambutan hari keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan yang ke-26 yang di-ra'ikan di-Lumapas yang di-anjurkan oleh persatuan beliau dan penduduk2 di-kampung itu pada hari Ahad lepas.

Dengan panjang lebar, beliau telah menyebutkan susunan pureh sa-bagai tanda2 pureh Brunei itu seperti yang menggunakan pangkal nama "Pengiran dan Awang".

Lupa dan menolak akan keta'atan mereka terhadap negara warisan mereka itu di-dakwa beliau lahir dari ha-

(Lihat muka 8)

RENCHANA UTUSAN MELAYU YANG MENGELIRUKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Brunei mensifatkan renchana yang tersiar dalam Utusan Melayu keluaran 8hb. Julai, 1972 yang menyatakan bahawa Britain telah mengambil alih sapenoh-nya hal-ehwal dalam Negeri Brunei mulai dari bulan Nobember yang lalu sa-bagai satu keterangan yang mengelirukan.

Satu kenyataan Kerajaan menjelaskan bahawa menurut Pindaan Perjanjian 1959 yang telah di-tanda tangani oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei pada 23hb. Nobember, 1971 bahawa Negeri Brunei sabenar-nya menekmati dengan sapenoh-nya kerajaan sendiri dalam negeri dan bahawa Kerajaan Baginda Queen bertanggung-jawab mengenai hal-ehwal luar Negeri Brunei.

Mengenai dengan soal pertahanan Negeri Brunei, kenyataan Kerajaan itu menjelaskan bahawa soal itu ada-lah tanggung-jawab bersama Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen dan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei seperti yang tersebut dalam Surat Perjanjian (Pindaan) Brunei 1959.

Kenyatan itu menegaskan bahawa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ada-lah sapenoh-nya bertanggung-jawab terhadap hal-ehwal dalam negeri ini.

"Maka dengan itu renchana yang di-terbitkan oleh Utusan Melayu berkaitan dengan perkara ini ada-lah mengelirukan," jelas kenyataan itu.

Masharakat Tiong Hwa nyatakan keshukoran atas kemudahan2 yang di-berikan kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Masharakat Tiong Hwa di-Brunei telah menekankan keshukoran mereka kerana telah mendapat segala kemudahan dari Kerajaan D.Y.M.M.

Ini telah di-nyatakan oleh Pehin Kapitan China, Awang Lim Teck Hoo dalam ucapan-nya selaku pengerusi temasha Jubilee Emas dan memperingati 10 tahun bangunan kekal Sekolah Menengah Chung Hwa pada hari Khamis lepas.

Pehin Kapitan China juga mengharapkan supaya saling mengerti dan sa-fahaman di-antara "kita" di-negeri ini akan sentiasa di-amalkan di-bawah lindongan pemerentahan Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan.

Mengenai sekolah itu, beliau telah membentangkan perkembangan dan kemajuan-nya semenjak ia-nya di-tubuhkan di-negeri ini sejak tahun 1922.

Dalam jangka waktu itu, kata-nya, sekolah itu telah menghadapi beberapa kesukaran dan kesulitan terutama sekali mengenai dengan bangunan dalam waktu permulaan penubuhan-nya dan masa-alah murid2 yang makin bertambah.

Tetapi, tegas beliau, segala kesulitan dan kesukaran itu telah dapat di-atasi dengan hasil yang memuaskan atas bantuan Kerajaan Duli Yang Mulia.

(Lihat muka 8)

PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN MENGGESA KAUM TIONG HWA SUPAYA MEMBERI PELUANG BEKERJA KAPADA ANAK2 BUMI PUTERA

TUAN Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei dan laila hadirin sekalian, khas-nya Yang Mulia ahli2 jawatankuasa Temasha Jubilee Emas dan Memperingati 10 tahun Bangunan laila tetap Sekolah Menengah Chung Hwa Bandar Seri Begawan di-Daerah Brunei dan Muara ini.

Saya berasa gembira dan bersukor ka-hadharat Allah Subhanahu-Wataala kerana dengan izin-Nya dapat-lah saya hadir dan berpandang wajah dengan laila hadirin sekalian di-majlis yang permai ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada ahli2 jawatankuasa khas-nya dan masyarakat Tiong Hwa am-nya atas kesudian mereka menjemput saya ka-temasha ini. Saya ucapkan tahniah kepada mereka atas sempena Jubilee Emas penubuhan sekolah ini.

Laila hadirin yang dihormati sekalian.

Sejak beberapa tahun yang lampau kita bersama2 telah menyaksikan betapa peri keselamatan, betapa mustahak-nya keselamatan dan keamanan untuk pembangunan laila perkembangan negara dan rayat Negeri Brunei Darus-salam. Keamanan dan ketenteraman ada-lah merupakan bakti kesanggupan rayat dan penduduk untuk menempoh perubahan2 sama ada dari dalam mahu pun dari luar tanpa berlengah atau ada-nya pertelingkahan atau krisis2 di-kalangan masyarakat. Oleh yang demikian sangat-lah mustahak supaya seluroh rayat sentiasa berhati2 pada mengawasi anasir2 yang bertujuan yang akan merosak atau mengukharkachirkan di-atas rajin, ketabahan dan perkembangan laila kesanggupan kita untuk menghadapi perubahan2 dan menyesuaikan-nya untuk kebajikan. Sememang-nya telah terchatet dalam sejarah bahawa orang2 Tiong Hwa ada-lah mempunyai hubungan yang lama dari segi perniagaan dan dengan Negeri Brunei dan banyak daripada mereka telah memilih negeri ini menjadi tempat mereka bermastautin sudah turun-temurun.

Rukun atau istilah kemas-tautinan yang turun-menurun itu semestinya-lah di-sertai pada chintakan keselamatan, keamanan, ketenteraman Negeri Brunei Darus-salam. Akan tetapi sa-bagai satu masyarakat yang pendatang tentu ada dari orang2 Tiong Hwa di-negeri ini yang mudah terpengaruh sedikit atau sabanyak-nya oleh bahan2 dari luar negeri yang menimbulkan perasaan kuat dan megah pada

Dari sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin di-Upacara Pembukaan Rasmi Temasha Jubilee Emas dan memperingati 10 tahun bangunan kekal Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan pada 3hb. Ogos, 1972.

zaman sains dan teknologi ini dalam mana dengan izin Allah manusia telah berjaya mendarat di-muka bulan.

Jangan-lah kita lupa mengenai peri mustahak-nya bagi kita di-muka bumi ini menumpukan segala tenaga dan usaha kita pada memperbaiki dan mengukuhkan lagi keselamatan, keamanan negeri supaya seluroh rayat akan dapat menikmati kemakmoran yang telah dikurniakan oleh Tohan kepada kita di-Negeri Brunei ini. Untok membolehkan seluroh rayat menikmati kemakmoran maka sangat-lah mustahak-nya supaya masyarakat Tiong Hwa di-negeri ini memberi peluang kepada rayat2 bumi putera atau anak jati Brunei atau anak Brunei jati untok membolehkan memperoleh pengalaman dan mendapatkan kecekapan2 dengan memberikan kepada mereka itu pekerjaan terutama sekali anak2 bumi putera yang baru saja lepas dari sekolah yang mana bilangan-nya semakin bertambah. Pekerjaan yang saya maksudkan itu ia-lah pekerjaan di-sharikat2 perniagaan dan perusahaan yang di-punyai oleh orang2 Tiong Hwa yang faedah-nya kepada negeri kita ini rayat Brunei Darus-salam.

Saya suka menyatakan dengan berterus terang bahawa di-masa2 yang lampau usaha2 untok mengambil anak2 bumi putera bekerja di-sharikat2 seperti yang saya nyatakan tadi dan perusahaan2 yang di-maksudkan itu hanya-lah berupa sa-bagai "melepaskan batok di-tangga" sahaja. Sifat yang demikian ini boleh jadi menjunkkan perasaan kurang berterima kasih di-kalangan sharikat2 dan perusahaan2 itu meski pun mereka mendapat keuntungan yang lumayan di-negeri ini. Saya berharap supaya masyarakat Tiong Hwa di-negeri ini akan menghapuskan sifat itu dan mengambil langkah yang segera ka-arrah matalamat yang sunggoh di-hajati bagi mengukuhkan lagi laila perpaduan untok seluroh rayat dan penduduk Negeri Brunei Darus-salam.

Selanjut-nya perniagaan2 dan perusahaan kaum Tiong Hwa di-negeri ini akan boleh menulung peniaga2 bumi putera dengan mengajar atau memberikan kemahiran dan

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin.



mengadakan petunjuk2 berasaskan pengalaman mereka. Jangan-lah sa-bagai yang sudah2 ada banyak pekerjaan manakala sharikat Tiong Hwa baik di-segi perniagaan baik di-segi berkontrek mengambil sa-tinggi2 orang yang berilmu pengetahuan sa-hingga sa-rendah2-nya, semua daripada orang Tiong Hwa — orang2-nya daripada orang luar daripada Negeri Brunei, seperti Dayak dan Punan.

Dengan apa yang saya nyatakan tadi, harapan saya dan atau kerana dalam bidang perniagaan dan perusahaan rayat yang terdiri dari bumi putera masch merupakan sabilangan kecil sahaja yang mengambil bahagian di-sebabkan mereka belum mempunyai kemahiran2 dan pengalaman2 seperti yang di-maksudkan. Saya perchaya bahawa atoran2 yang lebeh munaafat boleh dibuat berhubung dengan perkara ini untok faedah bersama laila menuju ka-arrah kebajikan. Dan jika atoran tersebut di-perluaskan lagi serta di-laksanakan dengan berhati2 itulah bakti hasil daripada hasrat hati ikhlas, jujur bagi bangsa masyarakat Tiong Hwa yang menatap di-sini atau bermastautin di-sini dan lebeh2 lagi yang datang ka-negeri ini pada melaksanakan sa-bagai kontrektor dan lain2 lagi di-segi perniagaan. Dengan jalan itu saya perchaya kemakmoran masyarakat Tiong Hwa di-negeri ini juga merupakan kemakmoran semua rayat Duli Yang Maha Mulia tanpa mengira rupa dan bangsa.

Kapada rayat Duli Yang Maha Mulia yang terdiri dari bumi putera atau anak Brunei jati, saya menasihatkan supaya mereka berhati2 menjalankan pekerjaan dan perusahaan dan ada-lah akan mendatangkan faedah kepada mereka iika mereka mengikuti chon-toh tauladan yang di-berikan oleh kaum Tiong Hwa atau yang di-tunjokkan oleh kaum Tiong Hwa dalam membuat segala pekerjaan dan perusahaan dengan rajin, tekun dan bersungguh2 tanpa mengira

penat lelah untok kebajikan. Saperti kata tutoran orang tua2 berusaha ka-arrah kebajikan dari hasrat laila hati, dengan rajin, bersungguh2 yang hasilnya dari titek peloh yang mengalir dari batang tubuh kita dan pada menganut laila mengusahakan akal fikiran dan atau serta pada menyuburkan sekurang2-nya otak kita yang jalam ada-lah halal.

Banyak daripada orang2 yang berketurunan dari bangsa Tiong Hwa yang telah membuktikan diri mereka layak untok menjadi rayat Duli Yang Maha Mulia am-nya, saya suka memperingatkan bahawa sa-bagai rayat Negeri Brunei sa-memang-nya mempunyai nikmat2 dan kelebihan2 yang tertentu. Akan tetapi nikmat2 dan kelebihan2 sahaja tidak akan mempunyai arti kerana tidak di-ikat dengan kewajipan dan tanggung-jawab untok membantu kerajaan Duli Yang Maha Mulia dalam usaha2 pada memperkukuhkan lagi keamanan negeri untok membolehkan kemajuan negara dilaksanakan dengan pesat. Pada masyarakat Tiong Hwa pada keseluruhan-nya hendak-lah mereka menumpukan ta'at setia mereka yang tidak berbelah bahagi kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan kerajaan Baginda.

Apa2 jua kegiatan2 dan tindakan2 dalam masyarakat kaum Tiong Hwa hendak-lah menumpukan kepada ideologi2 negara Brunei di-mana kesultanan, Ugama Islam, bahasa dan kebudayaan Melayu ada-lah unsor2 yang mesti di-utamakan. Oleh yang demikian masyarakat Tiong Hwa di-negeri ini hendak-lah menchegeh dan menghindarkan dari kalangan mereka pengaruh2 sama ada dari luar mahu pun dari dalam Negeri Brunei yang bertentangan dengan ideologi2 negara dan kepentingan Negeri Brunei Darus-salam.

Pada mengakhiri-nya saya mengucapkan banyak terima kasih di atas jemputan kaum Tiong Hwa bagi merasmikan Jubilee Emas yang tetap pada hari ini.

DALAM hidup kita sa-hari2 sa-kali sa-kala mungkin fikiran kita akan terharu oleh godaan2 shaitan atau godaan dunia hingga sampai kepada peringkat kita merasa bahawa diri kita teranyaya oleh Tohan di-sebabkan mematuhi perintah2-nya atau di-sebabkan meninggalkan larangan2-nya. Mungkin oleh kerana rasa terlalu lurus di-dalam menjalankan sesuatu tugas kita di-goda fikiran bahawa amalan itu menjadikan kita di-pijak orang lalu kita merasakan bahawa Tohan menganyaya kita, atau pun mungkin kita terlalu mabok dan bergelimang dengan dosa dan maksiat lalu kita merasa bahawa rahmat Allah sudah terlalu jauh dari kita.

Fikiran dan perasaan sa-olah2 Tohan menganyayakan diri kita itu ada-lah tidak bersesuaian dengan ajaran2 Allah yang menganjurkan supaya sa-tiap orang hendaklah berbaik sangka terhadap Allah. Sebab Allah Subhanahu-Wataala pernah berfirman yang bermaksud:

"Dan tiada-lah Tohan-mu itu menganyaya kepada hamba-nya".

Allah Subhanahu-Wataala di-dalam sa-buah hadits Qudsi telah berfirman yang bermaksud seperti berikut:

"Wahai hamba2 ku, sesungguhnya aku telah mengharamkan penganyayaan atas diri ku dan telah ku jadikan penganyayaan itu di-antara kamu, maka janganlah anyaya menganyai. Wahai hamba2 ku, masing2 kamu itu ada-lah sesat kechuali yang aku beri petunjuk, maka mintalah petunjuk kepada ku neschaya

Peraduan membacha Quran bagi Brunei Tiga

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan membacha kitab suci Al-Quran orang dewasa lelaki dan perempuan bagi kawasan Brunei Tiga akan diadakan di-perkarangan Mesjid Sufri Bolkiah di-Kampung Perpindahan, Berakas pada 17hb. Ogos, mulai jam 8.00 malam.

Peraduan tersebut di-adakan bagi memilih wakil2 ka-peraduan membacha Quran peringkat Daerah Brunei/Muara.

Peraduan itu terbuka kepada orang2 dewasa lelaki dan perempuan yang tinggal di-kawasan Brunei Tiga.

Mereka yang ingin untuk mengambil bahagian dalam peraduan itu, ada-lah di-minta supaya mendapatkan borang2 masuk dari Setia Usaha Peraduan itu, Awang Ahmad bin Ghafar di-Dewan Bahasa dan Pustaka, atau Awang Abdul Latif bin Abdul Wahab di-Jabatan Tanah, Bandar Seri Begawan.

Pendaftaran masuk akan ditutup pada 10hb. Ogos.

Allah tidak akan menganyaya sa-tiap hamba-Nya



KHUTBAH JUMA'AT

"Fikiran dan perasaan sa-olah2 Tohan menganyayakan diri kita itu ada-lah tidak bersesuaian dengan ajaran2 Allah".

akan ku beri petunjuk. Wahai hamba2 ku, semua kamu itu ada-lah lapar kechuali yang ku berikan makanan, maka mintalah makanan kepada ku neschaya akan ku beri makanan. Wahai hamba2 ku, semua kamu itu ada-lah telanjang, kechuali yang ku beri pakaian, maka mintalah pakaian itu daripada aku neschaya akan ku beri pakaian. Wahai hamba2 ku, sesungguhnya kamu itu melakukan kesalahan sa-tiap malam dan siang sedangkan

aku mengampunkan segala dosa dan kesalahan, maka mintalah keampunan kepada ku neschaya akan ku beri keampunan kepada kamu. Wahai hamba2 ku, kamu tidak akan dapat menampakan kemudharatan kepada ku dan kamu tidak akan dapat mendatangkan munafakat kepada ku. Wahai hamba2 ku, sekiranya orang2 dahulu dan orang2 kemudian beserta jin dan manusia berbulat tidak hingga merupakan satu hati yang takwa, itu pun tidak akan menambah kebesaran ku, bagitu pula, wahai hamba2 ku, kiranya orang2 dahulu dan orang2 kemudian beserta jin dan manusia telah bersatu padu untuk jadi satu hati yang jahat lagi derhaka, itu pun tidak akan mengurangkan kebesaran Tohan sedikit pun. Wahai hamba2 ku, kiranya orang2 dahulu dan orang2 kemudian beserta jin dan manusia berdiri pada

satu lembah serta sama2 mereka meminta dan akhirnya masing2 memperoleh apa yang di-pinta-nya, itu pun tidak akan mengurangkan kebesaran Tohan hanya bagaikan sa-batang jarum di-chelupkan ka-lautan besar. Wahai hamba2 ku, hanya amalan2 kamu-lah yang akan ku kira untuk kamu dan kemudian akan ku sempurnakan. Dari itu barang siapa yang memperoleh kebaikan hendaklah ia menuji Tohan dan bersyukur kepada-Nya dan siapa yang memperoleh sabalek-nya janganlah dia menchela melainkan atas diri-nya sendiri".

Daripada keterangan ayat Al-Quran dan hadits Qudsi diatas jelaslah kepada kita bahawa Allah tidak akan menganyaya dan berlaku dzalim kepada sa-tiap hamba-Nya. Oleh yang demikian barang siapa yang menaruh fikiran atau perasaan bahawa Allah tidak mengasehi-nya atau telah berlaku anyaya dan dzalim kepadanya hendaklah menghapuskan godaan fikiran dan perasaan demikian kerana Allah ada-lah maha memurah lagi maha menyayang kepada hamba2-nya.

Persembahan2 dari Penghulu2 dan Ketua2 Kg.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penghulu2 dan Ketua2 Kampung di-Daerah Brunei/Muara akan mengadakan berbagai2 persembahan, untuk meraikan Perkahwinan Diraja, antara Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah dengan Yang Mulia Pengiran Norhayati binte Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman.

Ini telah di-putuskan dalam satu mesuarat Penghulu2 dan Ketua2 Kampung yang telah di-adakan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Seri Begawan baru2 ini.

Acharya persembahan hiburan itu, akan di-adakan sa-lama 11 hari, bertempat di-Perkarangan Istana Darul Hana dan di-rumah kediaman Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman.

Mesuarat itu juga membentok satu jawatankuasa untuk mempersembahkan hadiah chendera-mata kepada bakal pengantin perempuan.

Sa-orang lagi ka-Universiti Azahar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang penuntut Brunei, Awang Lamit bin Ibrahim sekarang berada di-Kaherah untuk melanjutkan pengajian mengambil ijazah dalam Undang2 Shahariah di-Universiti Azahar atas dermasiswa kerajaan Brunei melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Beliau berlepas baru2 ini setelah menamatkan persekolahan-nya di-Sekolah Arab Al-juned di-Singapura.

MAJALAH TAFSIR SIRI KE-8

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majalah "TAFSIR DARUS-SALAM" siri ke-8 terbitan Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Brunei sekarang sudah terbit dan telah di-jual kepada orang ramai pada 1hb. Ogos, 1972 dengan harga 50 sen saskhab.

Dalam keluaran kali ini, "TAF-

SIR DARUS-SALAM" memuatkan antara lain: Tafsiran dan huraian ayat (81) hingga (89) dari Surah Al-Baqarah.

Majalah tersebut maseh boleh di-beli dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan dan chawangan-nya di-semua daerah di-negeri ini.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 9hb. Julai, 1972 hingga ka-hari Selasa 15hb. Ogos, 1972 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit	Matahari
9hb.	Ogos	12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16
10hb.	Ogos	12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16
11hb.	Ogos	12-29	3-47	6-38	7-49	4-43	4-58	6-16
12hb.	Ogos	12-29	3-47	6-38	7-49	4-43	4-58	6-16
13hb.	Ogos	12-29	3-47	6-38	7-49	4-43	4-58	6-16
14hb.	Ogos	12-29	3-47	6-38	7-49	4-43	4-58	6-16
15hb.	Ogos	12-29	3-47	6-38	7-49	4-43	4-58	6-16

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

(9hb. Ogos, 1972)

KAPADA ORANG2 TIONG HWA

KETIKA merasmikan pembukaan sambutan Jubilee Emas dan memperingati 10 tahun bangunan tetap Sekolah Menengah Chung Hwa di-Bandar Seri Begawan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah bersabda tentang sifat shariat2, perniagaan dan perusahaan yang dipunyai oleh orang2 Tiong Hwa dalam perkara pengambilan anak jati Brunei untuk bekerja dengan mereka.

Duli Yang Teramat Mulia itu dengan berterus terang mensifatkan sikap mereka itu "sa-bagai melepaskan batok di-tangga sahaja". Sifat yang demikian ini, menurut Duli Yang Teramat Mulia itu, boleh jadi menunjukkan perasaan kurang berterima kasih di-kalangan shariat2 dan perusahaan2 itu meski pun mereka mendapat keuntungan yang lumayan di-negeri ini.


Dalam perkara ini, Duli Yang Teramat Mulia memberi amaran supaya masyarakat Tiong Hwa di-negeri ini menghapuskan sifat itu dan mengambil langkah yang segera ke arah matlamat yang sungguh di-hajati bagi mengukuhkan lagi laila perpaduan untuk seluruh rakyat dan penduduk Negeri Brunei Darussalam.

Dari sabda Duli Yang Teramat Mulia ini, apakah maseh juga belum dapat membukakan mata dan hati masyarakat Tiong Hwa di-negeri ini jika benarlah mereka mau membantu mengujudkan perpaduan yang lebeh kukuh antara anak jati Brunei dan masyarakat Tiong Hwa sendiri. Perkembangan masyarakat Tiong Hwa ternyata lebeh maju dalam banyak lapangan, khas-nya di-segi perusahaan dan perniagaan. Dan, perkembangan2 mereka itu tidak shak lagi di-tanggok dari beberapa kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan yang mana mereka itu juga di-angap sa-bagai saudara kepada anak Brunei jati. Maka sa-bagai sifat orang bersaudara, sa-harus-nya fahaman2 persaudaraan itu dapat di-perlihatkan dengan penuh kemeseraan. Tetapi, bukan-lah bersaudara nama-nya, jika hanya "membuang limbah" atau memperkukuhkan kedudukan sendiri dan mencari pertapakan yang lebeh kuat antara sendiri. Jika ada sifat yang demikian ini, hasil yang manis dan nekmata sukar hendak di-kechap, melainkan menimbulkan wajah2 yang "bida" dan menakutkan sedangkan wajah2 itu-lah yang kita takutkan sa-lama ini.

Dan, D.Y.T.M. memberi amaran bahawa apa jua kegiatan2 dan tindakan2 dalam masyarakat kaum Tiong Hwa pada keseluruhan-nya hendaklah menumpukan kepada ideologi2 negara Brunei di-mana kesultanan, Agama Islam, bahasa dan kebudayaan Melayu adalah unsur2 yang mesti di-utamakan. Oleh itu mereka mesti-lah menghindarkan diri dari pengaruh2 yang bertentangan dengan ideologi2 negara itu.



D.Y.M.M. sedang memeriksa unit panji2 Baginda dan unit panji2 Colonel-In-Chief yang juga turut menyertai upacara perbarisan hari keputeraan D.Y.M.M. di-Pekan Bangar.



Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Dato Peter Gautrey sedang menyampaikan hadiah kepada Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar Pengiran Anak Haji Abdul Aziz yang telah berjaya mendapat tempat pertama dalam perlantikan membuang peluru antara rombongan D.Y.M.M.



Pegawai Daerah Temburong, Awg. Abdullah bin Haji Md. Ja'afar yang menyebarkan ucapan keshukoran bersem-pena hari keputeraan D.Y.M.M. yang ke-26 tahun.

PERAYAAN HARI KEPUTERAAN D.Y.M.M. DI-DAERAH TEMBURONG

SATU upacara perbarisan bagi menghormati hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-26 tahun, di-Daerah Temburong telah di-langsungkan di-padang Sekolah Melayu Sultan Hassan, Pekan Bangar pada hari Sabtu, 29hb. Julai, yang lalu.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan telah berangkat tiba di-upacara perbarisan itu pada jam 9.10 pagi dan menerima tabek diraja dari sa-buah pentas yang di-bena khas.

Perbarisan itu yang di-ketuai oleh Major Sulaiman bin Awang Damit terdiri dari anggota2 Kompeni B dan E, pasukan Askar Melayu Diraja Brunei, unit

panji2 Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan unit panji2 Colonel-in-Chief.

Turut menyertai upacara itu ia-lah permainan pasukan pancharagam Askar Melayu Diraja Brunei.

Duli Yang Maha Mulia telah berkenan memereksa perbarisan itu dan kemudian-nya menerima tabek kehormatan perbarisan berjalan lalu. Perbarisan itu telah memberikan tiga sorak kehormatan Daulat Tuanku dan 21 das tembakan meriam telah di-tembakkan terdahulu dari itu.

Dari pentas diraja, Baginda menyampaikan titah dalam mana Baginda mengucapkan terima kasih kepada rakyat dan penduduk2 Daerah Temburong kerana mengadakan keramaian bagi menghormati hari keputeraan Baginda.

Terdahulu dari itu, Pegawai Daerah Temburong bagi pihak pegawai2 kerajaan, rakyat dan penduduk2 di-daerah itu menyembahkan ucapan terima kasih kepada Baginda kerana sudi berchemar dui meng-hadhiri istiadat tersebut, sa-lain dari menyembahkan ikrar ta'at setia kepada Baginda dan Kerajaan Baginda.

Di-antara pembesar2 negeri yang hadir di-upacara itu ia-lah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautrey; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah; Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Utama Awang Isa; Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir; Yang Amat Mulia Cheteria2; pegawai2 kerajaan dan pemimpin2 masyarakat.

Upacara perbarisan itu di-akhiri dengan bacaan do'a selamat yang di-sampaikan oleh Kadhi Daerah Temburong, Awang Abd. Salam bin Abd. Razak.



Pada petang hari itu juga telah di-adakan temasha lumba perahu dan moto sangkut di-Sungai Bangar dan di-sabelah malam-nya pula di-adakan pertunjukan aneka warna di-kawasan Bangar baru. Pada hari2 berikutnya berbagai2 acara yang menarik telah di-adakan seperti perlumbaan basikal, main gasing, lumba jalan kaki lelaki dan perempuan, bola sepak, orang2 yang telah menerima penchen tua, bola sepak, pertunjukan pertanian dan lain2 lagi.

Perayaan di-daerah itu telah berakhir pada hari Sabtu lepas.


Duli Yang Maha Mulia ketika melapadkan titah dari atas pentas khas sa-lepas upacara perbarisan hari keputeraan Baginda di-Pekan Bangar pada 29hb. Julai yang lalu.

D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan sedang membalas tabek kehormatan dari atas pentas khas.

Lumba basikal juga telah di-adakan di-Daerah Temburong sa-bagai meraikan hari keputeraan D.Y.M.M. yang ke-26. Perlumbaan tersebut ada-lah julong kali-nya di-adakan di-daerah itu.



Duli Yang Maha Mulia bersama2 dengan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan pembesar2 negara ketika melapadkan titah dari atas pentas khas sa-lepas upacara perbarisan hari keputeraan Baginda di-Pekan Bangar pada 29hb. Julai yang lalu.



Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah juga telah hadir di-upacara perbarisan tersebut. Gambar atas menunjukkan Yang Teramat Mulia itu sedang membalas tabek dari atas pentas khas.



Lumba perahu dan moto sangkut juga di-adakan pada tiap2 tahun sempena hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia. Gambar atas menunjukkan salah sa-buah moto sangkut yang telah mengambil bahagian dalam perlumbaan tersebut.



Perlantikan gasing ada-lah merupakan salah satu acara sambutan di-Daerah Temburong. Gambar atas kelihatan salah sa-orang peserta dalam perlantikan itu sedang bersedia untuk membalingkan gasing-nya.

Salah sa-buah pintu gerbang yang di-bena di-Pekan Bangar. Pintu gerbang tersebut ada2lah persembahan dari penduduk2 Mukim Labu.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

SA-BAGAI PEGAWAI PELAWAT KESIHATAN SEKOLAH2

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang berkelayakan bagi jawatan Pegawai Pelawat Kesihatan Sekolah2 di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei. Satu jawatan ada-lah untuk di-penuhi oleh Pegawai Perubatan Perempuan.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai kelulusan perubatan yang boleh di-terima untuk di-daftarkan dengan General Medical Council of the United Kingdom, dan hendak-lah berumur di-bawah 45 tahun. Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman dalam kerja2 kesihatan di-sekolah2. Hanya pemohon2 yang mempunyai pengalaman tersebut sahaja

akan di-pertimbangkan untuk dilantik.

Mempunyai Diploma Kesihatan Awam atau pengalaman dalam kerja kesihatan awam merupakan suatu kelebihannya.

Tugas2:

Menjalankan tugas2 Pegawai Pelawat Kesihatan Sekolah di-bawah arahan Pegawai Perubatan Kesihatan serta bekerjasama dengan Pegawai Perubatan Sekolah yang menjaga sekolah2.

Menjalankan tugas2 Kesihatan Awam/Perubatan jika perlu apabila di-arahkan oleh Pengarah Perkhidmatan Perubatan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji B2 EB 3 — \$1090x50 - 1140x40-1300x60-1360x40-1520x60-1580x40/740 / EB / 1810x50-1960. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Bakiss:

Bakiss sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Bakiss tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan rayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa percutaan sa-lama 6 bulan. Kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi chalun

Sa-bagai Pelawat Kesihatan Batok Kering

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari rayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenuhi jawatan sa-bagai Pelawat Kesihatan Batok Kering di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Biasa-nya kelayakan yang di-perlukan untuk jawatan ini ia-lah S.R.N. walau bagaimana pun chalun2 yang tidak mempunyai kelayakan tersebut tetapi mempunyai pengalaman luas bekerja dengan Rancangan Penghapusan T.B. boleh juga di-pertimbangkan. Kebolehan menjalankan tugas2 Pelawat Kesihatan dengan berkesan merupakan satu faktor yang penting.

Tugas2:

Tugas2 jawatan ini termasuk-lah tuberculin testing, chungkil B.C.G. dan contact surveys. Melawat karumah2 pesakit2 dengan chara jalan darat atau sungai.

Gaji:

Dalam sukatan gaji BW. 1 — \$1090-1140x40-1300. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 permohonan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 24hb. Ogos, 1972.

yang berjaya yang terdiri dari rayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh percutaan.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat daripada 28hb. Ogos, 1972.

Sa-bagai Atendan Rumah Sakit

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari rayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenuhi jawatan2 kosong sa-bagai Atendan Rumah sakit di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu dan juga mempunyai sedikit pengetahuan dalam bahasa Inggeris.

Tugas2:

Chalun2 yang terpilih akan di-tempatkan di-Rumah2 Sakit Kerajaan, Gedung2 Ubat dan di-Klinik2 Kesihatan. Mereka mesti-lah bersedia menjalankan tugas sama ada siang atau malam di-mana2 daerah di-negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 2-3-4 EB 5 — \$200x5-260/EB/270x10-290.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 26hb. Ogos, 1972.

Sa-bagai Imam, Bilal, Merbut

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari rayat DYMM Sultan untuk memenuhi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

a) IMAM (1 jawatan) — Bagi Mesjid Senaut, Tutong.

b) BILAL (1 jawatan) — Bagi Mesjid Keriam, Tutong.

c) MERBUT (2 jawatan) — Bagi Mesjid Mohd. Jamalul Alam Kuala Belait.

Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid2 yang berkenaan.

Kelayakan2:

a) Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun

b) Mesti-lah mahir dalam membaca Al-Quran dan mengetahui rukun2 Ugama Islam.

c) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Keparah bila2 masa dikehendaki.

Sa-bagai Penjaga Asrama

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari rayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenuhi jawatan kosong sa-bagai Penjaga Asrama di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

Kekosongan itu ia-lah:-

a) Maktab Perguruan Sultan Hassanul Bolkliah, Gadong, Brunei. (1 laki2 dan 1 perempuan)

b) Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara, Brunei. (1 perempuan).

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran atau yang sabandingan dengan-nya dan hendak-lah sa-baik2-nya mempunyai pengalaman dalam penyediaan dan pengurusan sa-buah asrama termasuk pengalaman memasak makanan Melayu serta berumur di-antara 25 hingga 45 tahun.

Tugas2:

a) Menjaga asrama dan pekerja2-nya (Tukang Masak dan Pembereh2)

b) Menjaga, membeli belah dan memeriksa barang2 yang di-bekalkan, menyediakan jadual2 makanan serta makan minum di-asrama.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3-4 EB 5 — \$410x20-510-660/EB/690x20-750. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang Lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 26hb. Ogos, 1972.

Sa-bagai Penterjemah

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari rayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenuhi jawatan sa-bagai Penterjemah di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Pelajaran Malaysia dengan mendapat kepujian dalam bahasa Melayu dan Inggeris atau kelayakan yang sa-bandingan dengannya;

b) Boleh menterjemah dari bahasa Melayu/Inggeris dan Inggeris/ Melayu; dan

c) Berpengalaman dalam kerja2 penterjemahan sekurang2-nya sa-lama tiga tahun.

Mereka yang tidak mempunyai kelayakan dan pengalaman yang tersebut di-atas tidak perlu memohon.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 3 EB 4 — \$410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 permohonan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 24hb. Ogos, 1972.

d) Pemohon2 mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji ada-lah seperti berikut:-

Jawatan IMAM — U.4 — \$280 x10-390-410x10-560.

Jawatan BILAL — U.2 — \$220 x10-390-410x10-430.

Jawatan MERBUT — U.1 — \$190x5-230-240x10-270.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 21hb. Ogos, 1972.

MULAI 1 hariibulan September ini akan di-kuat kuasakan undang2 tempat letak kereta yang berkehendakkan supaya kereta2 yang di-letakkan ditempat2 penarohan di-sekitar bandar akan di-kenakan bayaran2 yang di-tentukan dengan masa2 yang tertentu.

Memandang kapada mustahak-nya di-ketahui umum dengan chara yang lebih luas lagi, maka di-siarkan undang2 tersebut dengan sa-penoh-nya. Berikut ini ia-lah bahagian permulaan undang2 tersebut dan akan di-siarkan sa-terus-nya dalam keluarn2 yang akan datang sa-hingga selesai.

UNDANG2 LALU-LINTAS, 1954

PERATORAN2 LALU-LINTAS (LEMBAGA BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN) (TEMPAT LETAK KERETA), 1972.

Pada menjalankan kuasa2 yang di-berikan oleh bab 87 Undang2 Lalu-Lintas, 1954, Lembaga Bandaran dengan kebenaran Lembaga Pengeluaran Lisen Kenderaan Bermotor, dengan in membuat peratoran berikut:-

NAMA DAN MULA BERKUATKUASA.

2. (1) Peratoran ini boleh-lah di-namakan peratoran2 Lalu-Lintas (Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan) (Tempat Letak Kereta), 1972 dan hendak-lah-lah mula berkuat-kuasa pada 1hb. September, 1972.

2. (1) Dalam Peratoran2 ini melainkan jika kandungan ayat-nya mengkehendaki ma'ana yang lain:-

"Lembaga" arti-nya Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan;

"jam" termasuk-lah sa-bahagian daripada satu jam;

"letak kereta mengikut kira jam" arti-nya suatu tempat letak kereta yang di-perihalkan dalam ruang 3 Jadual bersama ini di-mana sa-buah kereta motor di-benarkan di-letak apabila di-bayar bayaran yang di-tetapkan;

"panjang jalan" arti-nya sa-panjang2 jalan yang di-namakan di-dalam Jadual di-sini;

"lori" arti-nya sa-barang kereta barang2 dengan panjang ka-semua-nya lebih dari 14 kaki;

"kereta motor" berma'ana sa-barang kereta yang mempunyai tiga atau lebih roda yang di-kuasai oleh motor dan termasuk sa-barang kereta2 barang dengan panjang semua-nya tidak lebih dari 14 kaki tetapi tidak-lah termasuk apa2 jua motosikal perseorangan atau sekuter perseorangan;

"letak kereta" termasuk-lah menunggu dalam suatu petak letak kereta;

"atendan letak kereta" arti-nya sa-orang yang di-lantek di-bawah perenggan 5 dan termasuk-lah sa-seorang yang di-berikuasa oleh atau bagi pehak Lembaga untuk menyelia mana2 daripada tempat letak kereta yang di-

nyatakan dalam Jadual bersama ini dan juga untuk mengeluarkan resit rasmi sa-bagai penerimaan pembayaran bayaran2 meletak kereta;

"bayaran yang di-tetapkan" arti-nya bayaran yang di-tetapkan dalam Jadual di-sini;

"jalan" arti-nya sa-barang Jalan Raya dan sa-barang jalan lain yang di-gunakan oleh orang ramai dan adal-ah termasuk jalan2 belak-kang, batu2 di-tepi jalan, tempat2 orang berjalan kaki, tepi2 jalan, kaki2 lima, lo-rong2 baik boleh di-lalui atau tidak dan sa-barang parit2 dan longkang2 di-tepi sa-barang jalan;

"tempat letak kereta musim" arti-nya suatu tempat letak kereta yang di-perihalkan dalam ruang 3 Jadual bersama ini di-mana hanya kereta2 motor yang telah membeli teket letak kereta musim bagi-nya boleh di-letakkan;

"teket letak kereta musim" arti-nya resit rasmi yang di-keluarkan oleh Lembaga menunjuk-nombor pendaftaran kereta motor dan jumlah bayaran yang di-tetapkan bagi meletakkan kereta itu di-suatu tempat letak kereta musim yang di-nyatakan bagi sa-suatu tempoh sa-bagaimana di-nyatakan dalam resit itu;

"teksis" arti-nya sa-buah kereta teksis atau kereta sewa yang biasa-nya berulung alek menchari sewa antara tempat2 yang di-tuju dalam kawasan Bandar Seri Begawan.

PERUNTOKAN BAGI TEMPAT LETAK KERETA2.

3. (1) Lembaga ada-lah dengan ini membuat peruntokan ba-ha-wa jalan, sa-panjang jalan atau tempat yang di-nyatakan dalam ruang 1 Jadual ada-lah tempat2 letak kereta bagi kereta2 motor kecuali untuk teksis2 dan lori; dan peruntokan2 Peratoran ini hendak-lah di-pakai bagi-nya.

(2) Tiada sa-siapa pun boleh meletak apa2 jua kereta di-mana2

tempat pada mana2 jalan atau sa-panjang jalan di-mana ada tempat letak kereta yang di-nyatakan dalam ruang 1 Jadual di-sini.

PETAK2 LETAK KERETA2.

4. (1) Sa-suatu tempat letak kereta boleh di-bahagi2kan kapada beberapa petak letak kereta dan bagi maksud menentukan petak2 letak kereta itu Lembaga hendak-lah mengarahkan tiap2 satu petak letak kereta itu di-tunjukkan dengan garisan berchat dan/atau ta-tahan dan/atau tanda dan/atau lain2 tanda.

(2) Suatu papan tanda atau papan kenyataan hendak-lah di-diri-kan di-tiap2 tempat letak kereta dan pada-nya itu hendak-lah di-tampalkan suatu notis menyatakan isi Peratoran ini.

ATENDAN2 TEMPAT LETAK KERETA.

5. Lembaga boleh melantek sa-orang atau beberapa orang atendan tempat letak kereta untuk bertugas di-sasuiat tiap2 letak kereta.

CHARA MELETAK KERETA.

6. Walau bagaimana pun peruntokan yang terkandung di-dalam Jadual di-sini dan pada peruntokan2 di-Peringatan A yang di-maksudkan di-sini, menyatakan masa2 yang di-kawal:

(i) Tiada sa-siapa pun pada bila2 masa jua mahu pun pada masa yang di-kawal atau tidak meletak kereta di-dalam petak letak kereta melintang di-mana2 garisan yang menandakan petak letak kereta melintang di-mana2 garisan yang menandakan petak letak kereta itu atau dengan chara atau kedudukan sa-demikian ba-hawa kereta tersebut tidak sa-benar-nya di-dalam kawasan yang di-tandakan sa-bagai petak letak kereta.

(ii) Sa-seorang yang pada bila2 masa mahu pun pada masa yang di-kawal atau tidak, meletak kereta di-dalam petak letak kereta akan ter-ta'alok kapada peruntokan2 perenggan-kecil (i) di-atas meletak kereta-nya sa-lagi garisan2 yang menandakan petak letak kereta itu mem-benarkan di-dalam keadaan

yang tertentu supaya menyebabkan kereta itu meng-hadap ka-arrah lalu-lintas dan akan patoh kapada dan menurut dan menepati segala tanda isyarat yang di-tunjukkan di-tempat letak kereta itu.

(iii) Jika mana2 kereta motor yang di-letak pada bila2 masa mahu pun pada masa kawalan atau pun tidak pada petak letak kereta melanggar peruntokan2 pada perenggan-kecil (i) dan (ii) di-atas, dan derebar atau orang yang menjaga kereta itu hendak-lah mematohi apa2 arahan yang di-keluarkan oleh atendan letak kereta atau sa-seorang Pegawai Pulis yang beruniform supaya peruntokan2 di-dalam peratoran ini dan/atau daripada Undang2 Lalu-Lintas, 1954 dan peratoran2 yang di-perbuat dengan kuat-kuasa-nya dapat di-turuti.

(iv) Peruntokan2 pada perenggan ini akan terus di-kenakan mahu pun pada masa kawalan atau pun tidak, kapada tempat2 simpanan sa-bagai tempat letak perhentian Bas dan/atau kawasan2 lain di-simpan atau di-larang.

PEMBAYARAN BAYARAN YANG DI-TETAPKAN.

7. (1) Sa-siapa jua yang mengguna suatu tempat letak kereta pada masa2 yang di-nyatakan dalam Jadual bersama ini hendak-lah ematohi segala arahan yang sah di-sisi undang2 yang di-beri kapada-nya oleh mana2 atendan letak kereta yang bertugas di-tempat letak kereta itu dan hendak-lah mem-bayar bayaran yang di-tetapkan itu sa-sudah sahaja kereta itu di-letakkan dengan menyerahkan wang kapada atendan letak kereta yang bertugas yang hendak-lah mengeluarkan suatu resit rasmi dan atas resit itu hendak-lah di-tuliskan nombor pendaftaran kerta motor itu, jumlah yang di-bayar, tarikh dan masa-nya yang kereta motor itu di-benarkan di-letak di-tempat letak kereta itu. Atendan letak kereta itu hendak-lah kemudian-nya menampalkan satu salinan pendua resit itu pada windscreen atau mana2 bahagian kereta motor itu yang mudah di-lihat.

(2) Sa-siapa jua yang mengguna suatu tempat letak kereta sa-panjang hari atau suatu tempat letak kereta musim bagi meletakkan sa-sibuah kerta motor hendak-lah mematohi segala arahan yang sah di-sisi undang2 yang di-beri kapada-nya oleh mana2 atendan letak kereta yang bertugas di-tempat letak kereta itu dan sa-sudah sahaja kereta motor itu di-letak, mengemukkan kapada atendan letak kereta musim mengenai kereta yang di-letak-nya itu.

(BERSAMBONG)

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



Peratoran2 bagi Orang2 Bergelar yang hendak keluar negeri

PADA menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, Sir Muda Hassanah Bolkiah, bahawasanya Wazir2, Cheteria2, Menteri2, Pehin2 Menteri Ugama termasuk Penglima2, Juru, Pengarah serta Menteri2 Pendalaman:-

1. Bagi Wazir, Cheteria, Menteri2, Juru, Penglima, Pengarah dan Menteri2 Pendalaman yang di-berikan gelaran dengan jalan berchiri atau bertauliah yang tidak berkhidmat kepada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia apabila mereka2 tersebut berhajat untuk keluar dari Brunei hendaklah menjunjung anugerah (menyembahkan) pada Duli Yang Maha Mulia dengan jalan menulis surat kepada Yang Di-Pertua 'Adat Istiadat untuk menyembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia.
2. Wazir2, Cheteria2, Menteri2, Pehin2 Menteri Ugama, Juru, Penglima, Pengarah2 dan Menteri2 Pendalaman selain dari di-anugerahkan gelaran yang berchiri dan bertauliah yang berkhidmat kepada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia yang berhajat untuk keluar dari Brunei hendaklah menjunjung anugerah pada Duli Yang Maha Mulia dengan jalan menulis surat kepada Yang Di-Pertua 'Adat Istiadat atas nama gelaran mereka dan menulis kepada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia pada memohonkan berchuti bagi membolehkan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia menyembahkan kepada Paduka Seri Yang Di-Pertuan.
2. Dengan cara laila langkah yang sedemikian Duli Yang Maha Mulia dapat mengetahui mengenai dengan kelamaan mereka untuk meninggalkan Negeri Brunei dan dengan jalan menulis surat pada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia juga supaya Duli Yang Maha Mulia dapat mengetahui mengenai sama ada ia berhak mengambil chuti untuk keluar dari Negeri Brunei atau tidak.
3. Pada kesimpulan-nya Wazir2, Cheteria2, Menteri2 termasuk Menteri2 Pendalaman yang di-anugerahkan gelaran dengan jalan berchiri atau bertauliah hendaklah menulis surat kepada Yang Di-Pertua 'Adat Istiadat untuk menyembahkan apa bila mereka berhajat untuk keluar dari Brunei dan Wazir2, Cheteria2, Menteri2 termasuk Menteri2 Pendalaman yang di-gelar dengan jalan berchiri dan bertauliah yang berkhidmat kepada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia hendaklah menulis surat ka-Jabatan 'Adat Istiadat dan kepada Pejabat Kerajaan Duli Yang Maha Mulia yang berkenaan untuk berchuti demikian jua pada Wazir2, Cheteria2, Menteri2 dan Menteri2 Pendalaman yang telah di-perkenankan chuti apabila ia-nya untuk memohon pergi kama-nya negeri yang luar dari Brunei hendaklah ia-nya menulis surat kepada Yang Di-Pertua 'Adat Istiadat kerana gelaran-nya supaya Yang Di-Pertua 'Adat Istiadat menyembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia bagi membolehkan Duli Yang Maha Mulia menge-tahui.



Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awg. Hj. Mohd. Jamil Al-Sufri sedang menerima chendera-mata dari penduduk2 Kampong Lumapas yang di-sampaikan oleh Awang Kamis bin Haji Mansor.

Hasutan2 yang merupakan anasir

(dari muka 1)

sutan2 yang merupakan anasir2 yang memecah-belahkan perpaduan kita orang2 Brunei.

Beliau menegaskan bahawa sa-lagi kita orang Brunei adalah tetap Brunei sekali pun kita dudok di-tanah Brunei yang di-jadikan dan di-dakwa menjadi tanah orang lain.

Sa-lain dari itu beliau juga telah menyatakan tentang projek2 infra-struktur yang di-lancarkan Kerajaan seperti pengluasan2 persekolahan termasuk pelajaran2 ugama, pembisaian kemudahan2 perhubungan, kesihatan, sokan dan lain2-nya.

Semua projek2 itu, kata-nya, ada-lah perlu di-bisakan sa-belum menchapai dan melaksanakan projek2 yang lebih besar dari itu.

Beliau menyeru penduduk2 Lumapas khas-nya dan raayat negeri ini umum-nya supaya menyokong dengan kuat lagi dalam sa-barang usaha Kerajaan Baginda yang tujuan-nya semata2 untuk kebajikan raayat negeri ini.

Beliau juga menyeru raayat negeri ini supaya memberikan sumbangan dan menghulurkan derma bagi pelaksanaan pembenaan Stadium sa-bagai menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

BRUNEI MENANGI PIALA DAVIDSON

BRUNEI telah mengalahkan Sabah dalam perlawanan kriket antara wilayah dan berjaya merebut kembali Piala Davidson.

Dalam perlawanan yang diadakan sa-lama dua hari di-Kota Kinabalu pada minggu lepas, Brunei mendapat 231 mata sementara Sabah mendapat 158 mata.

Ini ada-lah pertama kali-nya Brunei dapat merebut balek Piala Davidson sa-lepas 9 tahun.

Brunei mula memegang piala tersebut dalam tahun 1963 apabila Brunei mengalahkan Sabah chuma dengan satu mata saja ketika perlawanan di-adakan di-Seria.

Gambar kanan menunjukkan pemain2 Brunei bergambar dengan piala yang di-menangi mereka.

Gerei2 makan utk. Kuala Belait

KUALA BELAIT. — Pegawai Daerah Belait, Y.A.M. Pengiran Jaya Negara Pg. Haji Abu Bakar telah mengarahkan bagi membentok satu jawatankuasa menjual makanan dan minuman orang2 Islam di-gerai yang akan di-bena di-Kuala Belait.

Jawatankuasa itu telah pun di-bentok baru2 ini yang mana Penulong Pegawai Daerah Belait, Awang Jaya bin Abdul Latif telah pun di-pilih sa-bagai Pengerusi jawatankuasa itu, dan lima orang lagi anggota2 yang lain, yang akan bertanggung jawab untuk memperbagaikan aneka rupa gerai2 itu.

Awang Jaya berkata, gerai2 makan dan minum itu akan di-tempatkan di-kawasan antara Kastam Diraja dengan Champion Motor di-Jalan Sungai Kuala Belait.

Gerei2 makan dan minum itu di-jangka akan di-buka kepada orang ramai mulai 1hb. September hadapan.

Penduduk2 di-Pekan Seria dan Kuala Belait yang ingin menjual makanan atau minuman di-gerai itu boleh-lah menghantar surat2 permohonan atau berjumpa kepada Setiausaha Lembaga Bandaran Kuala Belait, Pengiran Metussin bin Pengiran Shahbudin dengan seberapa segera.

Mereka yang terpilih untuk menjual makanan dan minuman di-gerai itu akan di-beri perchubaaan sa-lama tiga bulan dengan tidak di-kenakan apa2 bayaran termasuk kemudahan ayer dan api listrik.

B. Melayu jadi pelajaran utama

(Dari muka 1)

Kemajuan itu, menurut beliau, semakin menggalakkan lagi bilamana timbul-nya sumbangan2 tenaga dan wang ringgit dari orang ramai dan penjaga2 murid sekolah itu serta hartawan2 dan dermawan2 di-negeri ini.

Mengenai dengan mata2 pelajaran di-sekolah itu, Pehin Kapitan China menerangkan bahawa sa-lain dari mata pelajaran Bahasa Tiong Hwa, Bahasa Melayu dan Inggeris juga telah di-ajarkan sejak beberapa tahun yang lalu.

Bahasa Melayu, tegas beliau, ada-lah di-jadikan mata pelajaran yang utama di-sekolah itu.



Awang Lim Teck Hoo.

Dalam ucapan itu, beliau juga menyuarakan salam muhibbah masharakat Tiong Hwa kepada "yang tidak sa-bangsa dan sa-ugama dengan kami" agar hidup rukun dan damai serta saling mengerti antara satu bangsa dengan bangsa yang lain.

Menurut beliau bahawa bilangan murid2 di-sekolah kekal itu sekarang telah meningkat sa-ramai 2,000 orang dan telah menjadikan satu kerumitan serta memerlukan pembenaan sa-buah lagi bangunan baru yang mana pembenaan-nya sedang di-laksanakan sekarang yang di-dalam-nya akan mempunyai 50 unit termasuk dewan, bilek2 darjah, pejabat, perpustakaan dan makmal sains.

Beliau mensifatkan perkembangan itu sa-bagai satu bakti dari berkat "kita" yang ta'at setia tidak berbelah bahagi kepada Kerajaan D.Y.M.M. dan bekerjasama untuk mengekalkan keamanan negeri ini.

